

18/08/1997

KUB tidak mahu ramal prospek penyenaaraan

KONGLOMERAT baru dalam industri tempatan, KUB Malaysia Bhd (KUB) yang bakal menjadi syarikat Bumiputera terbesar di bursa saham tempatan apabila disenaraikan hari ini, tidak mahu meramalkan prospek pasaran sahamnya sebaik diapungkan.

Pengerusi merangkap Ketua Eksekutifnya, Datuk Hassan Harun, berkata agak sukar untuk meramalkan nasib bekas badan koperasi itu berikutan keadaan pasaran yang agak lembap sekarang.

Ketika ditemui pada majlis perasmian Exchange Square, bangunan baru Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di ibu negara malam kelmarin, beliau berkata:

"Kami tidak boleh tangguh lagi penyenaaraan itu (dalam keadaan pasaran yang lembap). Malah, sukar untuk menyatakan pergerakan pasaran."

Bagaimanapun, penganalisis berkata, pasaran saham KUB besar kemungkinan tidak akan terjejas teruk selepas pengapungan kerana ia tidak membuat tawaran awam secara langsung tetapi sahamnya diagih kepada ahli.

"Apabila ahlinya menjual saham dan dibeli oleh pemain pasaran, maka ketika itulah pergerakan harganya ditentukan sepenuhnya oleh kuasa pasaran sama ada turun atau naik berdasarkan sentimen pasaran. Jika tidak, harga sahamnya akan berada dalam pergerakan jajaran yang kecil," kata ahli ekonomi di sebuah firma sekuriti.

Baru-baru ini, Hassan pernah berkata, walaupun keadaan pasaran kurang mengalakkan, beliau yakin saham KUB yang dianggapnya agak `istimewa' tidak akan terjejas oleh keadaan pasaran.

"Ini kerana ia mempunyai asas yang kukuh. Orang akan lihat dan ahli KUB terdiri daripada ahli yang setia yang sentiasa bersama KUB sejak 1977 lagi. Ahli ini tak jual (saham) sama ada zaman susah atau senang.

"Sekarang (ketika penyenaaraan nanti), dia orang untung dan akan terus bersama KUB. Kalau ada nak jual pun, jumlahnya mungkin sedikit. Saya percaya bila harga saham KUB naik, dia orang akan simpan juga kerana ia juga boleh cagar untuk beli saham baru dalam pasaran," katanya.

Mengikut penyenaaraannya di BSKL, KUB memasukkan keseluruhan asetnya bernilai RM688.5 juta ke dalam Permodalan Perak Bhd (PPB), iaitu alat penyenaaraannya.

Berdasarkan langkah itu, bekas ahli KUBMB, yang dibubarkan Februari lalu, ditawarkan lebih 50 peratus saham daripada 504 juta unit bernilai RM1 sesaham yang ditawarkan bagi memenuhi syarat penyenaaraan supaya sekurang-kurangnya 25 peratus saham ditawarkan kepada orang awam.

(END)